



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1988

DR.19/1988

D.R. 19/88

Nashkah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA tindakan telah diambil dan tindakan selanjutnya adalah diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia—

- (1) untuk menyebabkan, dan untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan, keganasan berancang terhadap orang dan harta; dan
- (2) untuk mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain daripada cara yang sah, Kerajaan Malaysia yang sah yang ditubuhkan menurut undang-undang;

DAN BAHAWASANYA tindakan yang diambil dan diancam itu adalah memudaratkan keselamatan Malaysia;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat adalah perlu dihentikan atau dicegah tindakan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk
ringkas
dan mula ber-
kuatkuasa.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan
seksyen 8.
Akta 82.

2. Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan 'seksyen 12 (1) adalah terpakai seolah-olah perkataan-perkataan "seseorang itu ditahan" digantikan dengan perkataan-perkataan "perintah tahananannya telah dilanjutkan" ' dalam proviso kepada subseksyen (7) dengan perkataan-perkataan "seksyen 12 adalah terpakai dengan sewajarnya".

Seksyen
baru 8A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen baru 8A yang berikut:

"Perintah
tahanan
tidak
menjadi
tak sah
atau tak ber-
kuatkuasa
atas alasan-
alasan
tertentu.

8A. Tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa oleh sebab—

(a) orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan—

(i) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3);

(ii) terus ditahan selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 73 sebelum dia dipindahkan ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3), walaupun tempoh maksimum bagi penahanan sedemikian di bawah seksyen 73 (3) telah tamat; atau

(iii) telah semasa jangka masa perintah tahanan itu berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3); atau

(b) perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3), atau terdapat apa-apa kecacatan substansial yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu kepadanya.”.

4. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “seseorang itu ditahan” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “rayuan diterima olehnya, atau dalam tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong”.

Pindaan
seksyen 12.

5. (1) Jika sesuatu perintah tahanan telah dibuat di bawah seksyen 8 (1) Akta ibu terhadap mana-mana orang semasa tempoh di antara tarikh mula berkuatkuasanya Akta ibu dan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini (kemudian daripada ini disebut “tempoh peralihan”), maka perintah tahanan itu dan penahanan yang dibuat menurutnya semasa tempoh peralihan itu, dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai, dan sentiasa dan pada setiap masanya menjadi, sah dan menurut undang-undang, walaupun pada bila-bila masa semasa jangka masa perintah tahanan itu dia telah ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3) Akta ibu, atau terus ditahan di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 73 Akta ibu selepas tempoh maksimum yang diperuntukkan baginya di bawah seksyen 73 (3) Akta ibu tamat, atau

Pengesahan
perintah
tahanan dan
penahanan,
dan tanggung
rugi.

telah berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke tempat tahanan seperti yang disebut terdahulu, atau terdapat apa-apa kelengahan dalam menyampaikan perintah tahanan itu kepadanya, atau perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan itu, atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu kepadanya.

(2) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua pun prosiding undang-undang lain daripada apa-apa perihalan atau dalam apa-apa bentuk, boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, atau, jika dibawa atau dimulakan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, terus dikekalkan, bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa jua yang dilakukan dengan sahnya berhubungan dengan perintah tahanan atau penahanan yang diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang di bawah subseksyen (1), kecuali bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang sedemikian yang telah selesai dan keputusan muktamad mahkamah telah diberikan berkenaan dengannya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau bagi apa-apa rayuan berkenaan dengan keputusan muktamad itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

2. *Fasal 3* memasukkan selepas seksyen 8 seksyen baru 8A yang memperuntukkan bahawa tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa jika orang yang terhadapnya suatu perintah tahanan dibuat telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3), atau jika penyampaian perintah itu telah dibuat di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3), atau jika terdapat apa-apa kecacatan substansial yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu.

3. *Fasal 4* meminda subseksyen (1) seksyen 12 dengan menggantikan perkataan-perkataan "seseorang itu ditahan" dengan perkataan-perkataan "rayuan diterima olehnya, atau dalam tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong" untuk memastikan ia konsisten dengan *Fasal (1) (b) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan*, dan *fasal 2* membuat pindaan berbangkit kepada proviso kepada subseksyen (7) seksyen 8.

4. *Fasal 5 (1)* bertujuan mengesahkan apa-apa perintah tahanan atau apa-apa penahanan yang dibuat semasa tempoh peralihan walaupun orang yang berkenaan telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3), orang yang berkenaan itu telah ditahan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain semasa berada dalam perjalanan ke tempat tahanan itu, perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah itu.

Fasal 5 (2) melarang apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan dengan apa-apa perintah tahanan atau penahanan yang disahkan di bawah *fasal 5 (1)*. Larangan ini, bagaimanapun, tidak terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang jika mahkamah telah memberi keputusan muktamad sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, atau jika ada rayuan berkenaan dengan keputusan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1495.]